

## BAHAGIAN A (60 MARKAH)

Kertas soalan in mengandungi pilihan A, B, C dan D. Pilih jawapan yang **PALING TEPAT**.  
Kemudian hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.

1. Berikut merupakan zaman-zaman prasejarah, **kecuali** \_\_\_\_\_.  
A Paleolitik  
B Neolitik  
C Logam  
D Autokratik
2. Menurut Kamus Dewan, sejarah ialah \_\_\_\_\_.  
A asal-usul sesuatu kejadian  
B peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau  
C tindakan manusia dan sebab-sebab yang dilakukan oleh mereka  
D menceritakan hal tentang manusia dan perbuatan-perbuatan yang berlaku dalam masyarakat tersebut
3. Candi Lembah Bujang, Kedah merupakan tapak \_\_\_\_\_ yang terkenal di Asia.  
A gua  
B tembikar  
C arkeologi  
D manuskrip

4.



- Alatan yang ditunjukkan oleh ditemukannya di \_\_\_\_\_.
- A Perpustakaan
  - B Arkib Negara
  - C Muzium Negara
  - D Zoo Negara

5. \_\_\_\_\_ ialah tinggalan haiwan atau tumbuhan dari zaman lampau.  
A Artifak  
B Manuskrip  
C Fosil  
D Batu Bersurat

6. Apakah kegunaan beliung?

- A Menggali dan mengetam kayu.
- B Sebagai perhiasan.
- C Menangkap ikan.
- D Mengisi air.

7. Sungai ialah jalan perhubungan dan \_\_\_\_\_ utama suatu ketika dahulu.

- A pertanian
- B petempatan
- C peperangan
- D pengangkutan

8.

Masyarakat X

Senarai di atas

- Tingkayu, Sabah
- Kota Tampan, Perak
- Gua Niah, Sarawak

Apakah kegiatan masyarakat zaman X di Malaysia?  
Masyarakat zaman X tersebut?

- I
- II Menternak binatang
- III Memburu binatang
- IV Memungut hasil hutan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9. Pada masa dahulu, kebanyakan penduduk di pesisir laut terlibat dengan aktiviti

penangkapan ikan dan \_\_\_\_\_.

- A memasak
- B penanaman
- C pendakian
- D perdagangan

10.

Kerajaan ini wujud pada abad ke-14 Masihi.  
Pengasasnya ialah Sang Nila Utama.

Kerajaan Melayu Awal yang dimaksudkan ialah \_\_\_\_\_.

- A Gangga Negara
- B Santubong

- C Temasik
- D Beruas

11. “Kerajaan Melayu Awal ini wujud pada abad ke-5 Masihi dan pusat kerajaannya terletak di Lembah Bujang”.

Apakah Kerajaan Melayu Awal yang dimaksudkan itu?

- A Chih-Tu.
- B Temasik.
- C Santubong.
- D Kerajaan Kedah Tua.

12. Antara berikut, siapakah yang membunuh J.W.W. Birch?

- A Tok Janggut.
- B Dato’ Maharaja Lela.
- C Datuk Bahaman.
- D Rentap.

13. Mengapakah pada tahun 1877, Dato’ Maharaja Lela dihukum gantung di Pasir

Salak?

- A Kerana beliau menyekat kemaraan komunis.
- B Kerana beliau membunuh seorang Residen British.
- C Kerana beliau mengingkari perintah raja.
- D Kerana beliau menentang undang-undang British.

14. Siapakah yang mengasaskan Kesultanan Melayu Melaka sekitar tahun 1400?

- A Sultan Alauddin Riayat Shah.
- B Parameswara.
- C Hang Tuah.
- D Tun Perak.

15. Parameswara yang berasal dari Palembang telah melarikan diri ke Temasik kerana

diserang oleh \_\_\_\_\_.

- A Majapahit
- B Portugis
- C Temagi
- D Siam

16. Menurut Sejarah Melayu dan mitos Hindu, nama Melaka diambil \_\_\_\_\_.

- A kerana jasa seorang raja
- B berkat sei
- C sempena
- D sempena

17.



Peta 3.4. Jajahan takluk Melaka.

Rajah 2

Rajah 2 menunjukkan Empayar Kesultanan Melayu Melaka. Apakah keistimewaan Melaka hingga menjadi terkenal dalam kalangan para pedagang?

- I Muara Sungai Melaka yang dalam
- II Terlindung daripada tiupan angin monsun
- III Bukit yang dijadikan petunjuk pelayaran
- IV Penduduk yang ramai dan rajin berkerja

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

18. Berikut merupakan kemudahan-kemudahan yang disediakan di pelabuhan Melaka

untuk keselesaan pedagang, kecuali \_\_\_\_\_.

- A gudang
- B makanan
- C bekalan air
- D tempat beriadah

19. Berikut merupakan ciri-ciri tokoh terbilang, **kecuali** \_\_\_\_\_.

- A zalim
- B amanah
- C dihormati
- D boleh diteladani

20.

Apa

- A
- B
- C
- D

“Jawatan ini berperanan untuk memimpin angkatan tentera perang dan menjadi pemangku Sultan semasa Sultan gering atau keluar Negara”

Bendahara.

21. Apakah keistimewaan-keistimewaan yang ada pada Bendahara Tun Perak dan Laksamana Hang Tuah?

- A Berpandangan jauh.
- B Taat setia dan bijaksana.
- C Bercita-cita tinggi.
- D Mahir ilmu persilatan.

22. Berikut merupakan tanggungjawab yang dipikul oleh seorang Laksamana, **kecuali**

- A menjadi pengawal Sultan
- B menjadi penasihat Sultan
- C menjaga keselamatan perairan Melaka
- D menjamin keselamatan pedagang

23. "Parameswara mengetahui potensi Melaka dan telah memajukan Melaka menjadi

sebuah pusat perdagangan antarabangsa".

Apakah keistimewaan yang ada pada Parameswara dalam situasi ini?

- A Berpandangan jauh.
- B Bertanggungjawab.
- C Bijaksana.
- D Amanah.

24. Antara berikut, yang manakah sebab Tun Perak membawa pengikut dan keluarga

mereka dari Kelang untuk mempertahankan Melaka daripada serangan Siam?

- A Menambah bilangan tentera.
- B Menjadi banteng pertahanan.
- C Melemahkan pihak musuh.
- D Membangkitkan semangat juang pahlawan.

25. Mengapakah Tun Perak mengarahkan pengikutnya mengikat jamung di sepanjang

pantai Melaka?

- A Untuk mengelirukan askar Siam yang tiba pada waktu malam.
- B Untuk mematahkan serangan Siam.
- C Untuk mengaku kalah kepada musuh.
- D Untuk mengalu-alukan kedatangan askar Siam.

26. Antara berikut, yang manakah cara untuk memelihara tempat-tempat bersejarah?

- I Menaik taraf bangunan asal
- II Mewartakan tempat bersejarah
- III Reka bentuk asal bangunan dikekalkan
- IV Bangunan dibaik pulih

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D I, II, III dan IV

27. Gelaran \_\_\_\_\_ telah digunakan dalam pentadbiran Melaka

setelah pemerintah memeluk agama Islam.

- A Raja
- B Sultan
- C Maharaja

D Maharani

28.

Siapa

A

B

C

D

“Beliau berjaya mententeramkan pengikut-pengikut agar tidak menderhaka kepada Sultan Melaka walaupun anak beliau telah dibunuh oleh putera sultan”.

Tun Perak.

29. Antara berikut, yang manakah **bukan** Kepulauan Melayu?

A Thailand.

B Sumatera.

C Mindanao.

D Pulau Borneo.

30. Sungai yang bersih merupakan sumber \_\_\_\_\_ utama kepada

manusia.

A udara

B air

C angin

D tenaga

## BAHAGIAN B (40 MARKAH)

I. Nyatakan peristiwa pembukaan Melaka.

berehat	menverang	pelanduk putih	pokok
anjing	membebaskan	Melaka	luar biasa

\_\_\_\_\_ Palembang daripada Majapahit tetapi gagal.

2. Parameswara dan pengikutnya melarikan diri ke Temasik. Di sana, Siam cuba

\_\_\_\_\_ Parameswara menyebabkan baginda berundur ke Muar.

3. Parameswara meneruskan perjalanannya sehingga tiba di Sungai Bertam. Baginda dan

pengikutnya \_\_\_\_\_ di bawah sebatang pokok yang rendah.

4. Tiba-tiba, baginda terlihat \_\_\_\_\_ perburuannya ditendang oleh seekor \_\_\_\_\_ sehingga jatuh ke dalam sungai.
5. Parameswara berasa peristiwa seekor pelanduk putih yang kecil dapat mengalahkan lawannya yang besar itu sungguh \_\_\_\_\_.
6. Lalu, Parameswara menamakan tempat tersebut sebagai \_\_\_\_\_ sempena nama \_\_\_\_\_ tempat baginda bersandar.

( 8 Markah)

**II. Tandakan ( √ ) pada pernyataan yang Betul dan (X) pada pernyataan yang Salah.**

1. Pemukul kulit kayu digunakan untuk melembutkan kulit kayu untuk dijadikan pakaian pada zaman purba.
2. Bukit Tengkorak, Sabah ialah tapak pembuatan tembikar purba di Asia Tenggara.
3. Suku kaun Kadazandusun memanggil ibu, ma ma dan bapa, ba ba.
4. Panggilan dalam anggota keluarga dapat merapatkan hubungan kekeluargaan.
5. Guru Penolong Kanan Kokurikulum bertanggungjawab menguruskan hal berkaitan dengan program akademik sekolah.
6. Pentas Sunda ialah tanah daratan yang luas. Apabila Pentas Sunda ditenggelami air laut, terbentuklah Kepulauan Melayu.
7. Manusia pada zaman Paleolitik hidup berpindah-randah, memburu binatang dan mengumpulkan hasil hutan.
8. Pada zaman Logam, mayat dikebumikan menggunakan kubur batu kepingan.
9. Kerajaan Santubong merupakan sebuah kerajaan kecil di Sungai Sarawak yang wujud sekitar abad ke-7 Masihi.
10. Hang Tuah merupakan pengasas Kesultanan Melayu Melaka.

(20 Markah)

**III. Lengkapi maklumat berikut.**

1. Nyatakan asal usul nama Melaka berdasarkan dua sumber berikut.

Sejarah Melayu : \_\_\_\_\_

Mitos Hindu : \_\_\_\_\_

2. Berikan dua nama Sultan semasa Tun Perak menjadi Bendahara Melaka.

a) \_\_\_\_\_

b) \_\_\_\_\_

( 4 Markah)

3. Berikan dua peranan Sultan semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka.

a) \_\_\_\_\_

b) \_\_\_\_\_

4. Berikan dua peranan Laksamana Hang Tuah.

a) \_\_\_\_\_

b) \_\_\_\_\_

( 8 Markah)

-TAMAT-

Disediakan oleh,

.....  
(HUSNA MAHIRAH BINTI HASAN)  
Ketua Panitia Sejarah  
SK Seksyen 11 Kota Damansara

Disahkan oleh,

.....  
(EN NIK AZMAN BN KUNDOR)  
Guru Penolong Kanan Kurikulum  
SK Seksyen 11 Kota Damansara



